Iklan ditutup oleh Google

Hentikan iklan ini Mengapa iklan ini?



# Keunikan Masjid Beijing di Rantau Panjang



MASJID Beijing di Rantau Panjang Kelantan menjadi tarikan kerana reka bentuknya yang menarik.

**TOREK SULONG**

17 Februari 2017 12:20 AM

RANTAU PANJANG 16 Feb. - Jika melalui jalan utama menuju ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Rantau Panjang, di sini, mata pasti tertumpu kepada sebuah bangunan merah berbumbung melengkung yang kaya dengan seni bina Cina purba.

Bangunan tersebut adalah Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra atau turut digelar Masjid Beijing dan keindahan seni binanya diakui berjaya menggamit ramai pengunjung serta pelancong untuk ke situ.

Selain bentuk bumbungnya yang melengkung ke atas seakan-akan tokong, turut mencuri tumpuan ialah menara berbentuk serban disokong dengan lilitan unik di bahagian bawah.

Iklan ditutup oleh Google
Hentikan iklan ini
Mengapa iklan ini?

Imam masjid itu, Mohsin Abdullah berkata, Masjid Beijing menyerupai Masjid Niujie di Beijing, China yang dipercayai berusia lebih daripada 1,000 tahun.

“Bangunan utama merupakan komponen terbesar dan mempunyai dua tingkat. Tingkat atas adalah ruang sembahyang utama yang dapat menempatkan 1,000 jemaah dalam satu-satu masa.

“Sementara itu, di tingkatbawah pula mempunyai ruang sokongan untuk kemudahan awam iaitu dewan serbaguna, dewan makan, klinik dan perpustakaan masjid. Terdapat empat pintu masuk ke bangunan masjid untuk mengelakkan kesesakan,” katanya.

Mohsin berkata, Masjid Beijing menyediakan ruang khas untuk penganjuran pelbagai aktiviti sampingan berbentuk sosial dan ekonomi selain bangunan tambahan yang menempatkan sebuah kelas untuk tadika dan kelas agama yang mampu memuatkan 30 pelajar.

Beliau berkata, kelas tahfiz, tajwid dan al-Quran turut diadakan bagi memberi pendidikan berbentuk keagamaan kepada generasi muda selain tazkirah yang diadakan pada setiap hari selepas solat zohor dan maghrib.

“Sepanjang bulan Ramadan pula, pelbagai aktiviti dijalankan termasuk majlis berbuka puasa, majlis tadarus dan khatam al- Quran serta solat tarawih.

“Program-program seperti ini bukan sahaja dapat membantu asnaf tetapi juga dapat mengeratkan lagi ukhwah antara penduduk kampung. Kita juga turut menjemput imam dari negara China mengimamkan solat tarawih di masjid ini,” katanya.

Mohsin berkata, kelab memanah serta ruang untuk aktiviti itu turut diwujudkan di masjid berkenaan yang terbuka kepada kanak-kanak seawal usia enam tahun selain turut membuka keahlian kepada golongan wanita.

“Pada setiap sesi memanah, para pemanah akan mendapat tunjuk ajar daripada tenaga pengajar berpengalaman dari Kelab Memanah Sunnah Kelantan.

“Idea menubuhkan kelab memanah ini tercetus apabila melihat ramai anak muda masa kini mempunyai peralatan memanah, tetapi tidak memiliki kemahiran untuk menggunakannya,” katanya.

**Tag Berkaitan**

Kelantan | Masjid dan Surau | Semasa




## ARTIKEL BERKAITAN


Aktif aktiviti keagamaan


Masjid Gong Kulim perlukan bantuan





English@Masjid bantu pelajar

## VIDEO TERKINI




Kapsul Berita 7 Mac 2017



Kejap... minum air kejap...



Sembang Online LIMA 2017

Kapsul Berita 6 Mac 2017

Selak keju baru nampak nachos

Jom Chat dengan Khalifah Band

## ARTIKEL LAIN



Ibrahimovic digantung tiga perlawanan



Enrique yakin Barcelona ledak enam gol



Williams hilang status pemain No.1 dunia



Real ranapkan impian Napoli



Arsenal mangsa belasahan Bayern

Aduan Anda / Aduan Anda

Yang Jelik / [VIDEO] Tempah Bahaya

Esscom selamatkan kapal dagang Vietnam

Iklan

Utusan ONLINE

**Berita**
Terkini
Berita Utama
Utusan Live
Nasional
Politik
Parlimen
Jenayah
Mahkamah

Luar Negara
Asean

**Rencana**
Utama
Bisik-bisik
Cuit
Selak
Kolumnis
Forum
Agama
Blog
Sukan

**Wilayah**
Johor
Kedah
Kelantan
KL & Putrajaya
Melaka
Negeri Sembilan
Pahang
Perak
Perlis
Pulau Pinang
Sabah
Sarawak
Selangor
Terengganu

**Hiburan**
Berita
Selebriti
Muzik
Filem & Drama
Rancangan TV
Seni & Budaya

**Gaya Hidup**
Rekreasi
Permotoran
Pelancongan
Keluarga
Kesihatan
Fesyen

**Sukan**
Bola Sepak
Badminton
Lumba Kereta
Lumba Motorsikal
Basikal
Golf
Hoki
lain-Lain
Rencana Sukan

**Bisnes**
Ekonomi
Korporat
Usahawan
Automotif
Hartanah
Teknologi
Saham & Wang

**Pendidikan**
Umum
Sekolah
Kampus
Sastra
Agama

**Sains & Teknologi**
Sains
Teknologi
Inovasi
Gedjet
Pertanian
Alam Sekitar

**Video**
Terkini
Isu Semasa
Bisnes
Pemotoran
Gaya Hidup
Hiburan
Agama
Politik

Kumpulan Utusan

Kumpulan Utusan | Kosmo! | Tutor | Saji Online | disini.my | MyBooks | Job House | Utusan Karya
Jom Iklan | Mengenai Kami | Terma & Syarat

WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997-2017 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

No. 44, Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.